# Kertas Bil. 13/2021

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 – 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 – 11 NOVEMBER 2020**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR (JPK-SAS) BERHUBUNG PINDAAN KEPADA ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999 KERTAS BILANGAN 38/2020**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BERHUBUNG PINDAAN KEPADA ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999 BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2020 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA YANG KEEMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bil 38 / 2020 | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BERHUBUNG PINDAAN KEPADA ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999 BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2020** | 5.1. Jawatankuasa menyarankan bahawa **sebarang pindaan Enakmen LUAS 1999 tidak wajar diluluskan jika pindaan berkenaan hukuman terhadap kesalahan pencemaran tidak sekurang-kurangnya merangkumi pindaan berikut**:- | | | **LEMBAGA URUS AIR SELANGOR** |
| | | 5.1.1. Kenaikan denda maksimum sehingga RM1juta; | √ | | Cadangan pindaan berkenaan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 9 November 2020 dan berkuatkuasa pada 2 Disember 2020 setelah mendapat perkenan DYMM Sultan Selangor untuk menaikkan jumlah denda daripada seratus ribu ringgit kepada denda minimum dua ratus ribu ringgit dan denda maksimum tidak melebihi satu juta ringgit berdasarkan kepada peruntukan di bawah seksyen 79(4) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) (Pindaan) 2020. |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 5.1.2. Hukuman penjara mandatori; | √ | | Cadangan pindaan berkenaan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 9 November 2020 dan berkuatkuasa pada 2 Disember 2020 setelah mendapat perkenan DYMM Sultan Selangor melalui pindaan pada seksyen 79(4) Enakmen LUAS (Pindaan) 2020 dengan menjadikan hukuman penjara sebagai hukuman mandatori berbanding sebelumnya. |
| | | 5.1.3. Denda minima RM200,000 (perkara ini penting untuk dijadikan panduan kepada hakim berkenaan keseriusan kesalahan pencemaran); dan | √ | | Maklum balas yang sama pada perenggan 5.1.1 di atas. Berkenaan panduan kepada hakim menentukan keseriusan kesalahan pencemaran, YAB MB semasa ucapan penggulungan mengenai perbahasan Rang Undang-Undang Lembaga Urus Air Selangor 2020 yang dipetik melalui Hansard bertarikh 9 November 2020 ada menyatakan kaedah-kaedah yang Mahkamah akan gunakan |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | dalam memutuskan hukuman iaitu:<br><br>"Tujuan suatu hukuman ini adalah dengan mengambil kira kepentingan awam, di mana orang ramai mahu memastikan pesalah tersebut belajar daripada kesilapan dan tidak mengulangi. Ia juga bertujuan untuk memastikan orang lain ambil iktibar di atas kejadian tersebut dan mengelak dari melakukan yang sama dan menjadi right signal to the public at large not to indulge to the such crime. Dalam kes Hilbery J. dan Blake 1962 menyebutkan dengan izin "It is of highest importance, perhaps particularly at the present time, that such conduct should not only stand condemned, should not only he held at utter abhorrence by all ordinary men and women but also should receive when brought to justice the severest possible punishment. This sentence had |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | a theefold purpose. It was intended to be punitive, it was designed and calculated to deter others, and it was meant to be a safeguard to this country" dengan izin. Ahli Yang Berhormat sekalian, pindaan ini juga di bawah Seksyen 76(4) nama LUAS melibatkan hukuman penjara mandatori dan denda minimum RM200,000.00 serta maksimum RM1 Juta di samping hukuman tambahan iaitu pembayaran kos yang telah ditanggung oleh LUAS bagi kerja-kerja pembersihan. Ia memperlihatkan bahawa 3 hukuman yang akan dijatuhkan bagi satu kesalahan. Dalam menentukan hukuman yang hendak dijatuhkan mahkamah akan mengambil kira fakta-fakta kes dan rekod-rekod kesalahan lalu iaitu kekerapan kesalahan disebutkan, dilakukan sebagai salah satu faktor pemberat ataupun |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 5.1.4. Pencemaran bau dinyatakan sebagai kesalahan nyata.<br><br>Jawatankuasa telah menghantar sepucuk surat pada 12 Ogos 2020 kepada LUAS untuk cadangan-cadangan di atas (**Lampiran 4** ).<br><br>Jawatankuasa mengalu-alukan pindaan Enakman LUAS 1999 untuk hukuman yang lebih tinggi daripada huraian 5.1.1. hingga 5.1.4. di atas. | √ | | aggravating factor sebelum membuat keputusan."<br><br>Cadangan pindaan berkenaan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 9 November 2020 dan berkuatkuasa pada 2 Disember 2020 setelah mendapat perkenan DYMM Sultan Selangor dengan menjadikan larangan pencemaran sesuatu sumber air turut terpakai kepada pelakuan menyebabkan kemasukan atau melepaskan apa-apa bahan yang mengubah bau, warna dan rasa sumber air tersebut samada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya. |
| | | 5.2 Jawatankuasa juga menyarankan agar undang-undang diperkenalkan supaya pesalah wajib membayar semua kos akibat pencemaran kepada agensi-agensi yang berkenaan. | √ | | **<u>LEMBAGA URUS AIR SELANGOR</u>**<br>Cadangan pindaan berkenaan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 9 November 2020 dan berkuatkuasa pada 2 Disember |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2020 setelah mendapat perkenan DYMM Sultan Selangor dengan memasukkan subseksyen yang baharu iaitu 79(5) sebagai hukuman tambahan kepada pesalah yang telah disabitkan dengan kesalahan untuk membayar semua perbelanjaan yang dilakukan oleh LUAS untuk membaiki atau memulihkan apa-apa pencemaran oleh sebab kesalahan di bawah seksyen 79(1)(a)-(d). |
| | | 5.3 Jawatankuasa menyarankan supaya bidang kuasa pelesenan LUAS yang dikatakan hanya terhad kepada tujuh (7) jenis aktiviti mengikut Peraturan-Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 dikaji semula dengan segera dan diperluaskan agar selari dengan kuasa yang tertera dalam Seksyen 59 Enakmen LUAS 1999. | √ | | **<u>LEMBAGA URUS AIR SELANGOR</u>**<br><br>Seksyen 59 memperuntukkan kuasa kepada LUAS untuk mengeluarkan lesen bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang disebut di dalam subseksyen 59(1)(a) hingga (e) iaitu aktiviti-aktiviti berkenaan pengeluaran sumber-sumber dari sumber air dan perairan pantai, pembuangan kumbahan ke dalam sumber |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | air, aktiviti rekreasi yang menjejaskan kuantiti dan kualiti sumber air, aktiviti eksploitasi sehingga menjejaskan aliran, kuantiti dan kualiti sumber air dan aktiviti pengubahan sumber di dalam kawasan yang ditetapkan.<br><br>Walau bagaimanapun, peruntukan mengenai pembuangan kumbahan ke dalam sumber air mempunyai kekangan pelaksanaan oleh Enakmen LUAS 1999 berdasarkan ucapan penggulungan YAB Menteri Besar sewaktu menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Lembaga Urus Air Selangor 2020 semasa sidang DUN Selangor yang dipetik daripada Hansard bertarikh 9 November 2020 iaitu:<br><br>"Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan Kerajaan Persekutuan telah menggubal undang-undang |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | khusus berkenaan dengan pembuangan kumbahan, LUAS tidak dapat menggubal undang-undang yang sama kerana penguatkuasannya akan menyebabkan percanggahan ataupun yang dipanggil sebagai inconsistency di antara undang-undang persekutuan dan negeri di mana undang-undang persekutuan akan digunapakai setakat mana termaktub dalam Perkara 75 yang saya sebutkan tadi."<br><br>Oleh yang demikian, mengenai perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan perkara-perkara yang digubal di bawah undang-undang persekutuan, LUAS sedang dalam proses membuat pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Kemasukan Atau Pelepasan bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 bagi memasukkan perkara-perkara |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | yang termaktub di bawah seksyen 59(1)(a), (c), (d) dan (e). Deraf cadangan pindaan peraturan tersebut akan dimuktamadkan selepas sessi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan diadakan sekitar bulan September nanti. |
| | | 5.4 Jawatankuasa juga menyarankan agar kerajaan negeri menguatkuasakan Kanun Tanah Negara 1965 seperti membaik pulih tanah, merampas tanah, dan sebagainya terhadap pesalah-pesalah yang menyalahgunakan tanah untuk aktiviti yang menyebabkan pencemaran. | √ | | **PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR**<br><br>Tindakan Penguatkuasaan akan dilaksanakan kepada mana-mana pemilik tanah yang melanggar syarat dan mencemarkan sungai di bawah Seksyen 127 Kanun Tanah Negara.<br><br>Merujuk kepada Seksyen 130 Kanun Tanah Negara, pelucutan hak juga akan dilaksanakan kepada mana-mana individu atau pemilik tanah yang tidak mematuhi syarat tanah seperti yang dinyatakan. |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Tambahan juga, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor juga telah bersetuju agar Seksyen Pihak Kuasa tempatan (SPBT) UPEN untuk menyelaraskan Garis Panduan Tindakan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) Negeri Selangor untuk diguna pakai oleh semua PBT Negeri Selangor selepas tamat tempoh Program Pematuhan Syarat KTK di Negeri Selangor. |
| | | 5.5 Pihak LUAS perlu lebih strategik, menyeluruh, kreatif dan perlu meluaskan usaha dalam pengumpulan bukti semasa membina suatu tuduhan kes bawah Seksyen 79 Enamel LUAS 1999. | √ | | **<u>LEMBAGA URUS AIR SELANGOR</u>**<br>Pengumpulan bukti dan keterangan bagi kes di bawah seksyen 79 Enakmen LUAS 1999 ialah berdasarkan kaedah-kaedah berikut:<br><br>a) pengambilan sampel di titik pelepasan akhir lokasi pencemaran, lokasi di hulu titik |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | pelepasan akhir lokasi pencemaran dan di hilir dari lokasi titik pelepasan akhir pencemaran;<br><br>b) Pengambilan sampel dilaksanakan oleh pegawai LUAS yang kompeten dan mendapat pentauliahan daripada Institut Alam Sekitar Malaysia (Environment Institute of Malaysia-EiMas). Pensampelan ini akan dikemukakan kepada Jabatan Kimia Malaysia bagi dianalisa sama ada memenuhi elemen-elemen kesalahan di bawah seksyen 79(1) Enakmen LUAS 1999;<br><br>c) merakam percakapan saksi di bawah seksyen 102 Enakmen LUAS 1999 dan Orang Yang Disyaki di bawah seksyen 103 Enakmen LUAS bagi mengumpul maklumat dan keterangan dan membuat kesimpulan berdasarkan |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | semua keterangan yang dikumpulkan.<br><br>Bagi membolehkan maklumat mengenai kes-kes pencemaran diperolehi secara komprehensif, LUAS juga menjalinkan kerjasama strategik bersama semua agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara serta peringkat negeri seperti pentadbir tanah dan pihak berkuasa tempatan bagi membolehkan maklumat-maklumat dan keterangan-keterangan berkaitan sesuatu kes pencemaran dikumpulkan.<br><br>Semua kes-kes pencemaran kod merah (melibatkan penutupan loji rawatan air) akan disiasat secara menyeluruh oleh semua agensi-agensi di peringkat persekutuan dan negeri. Selain |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | daripada seksyen 79(1) Enakmen LUAS 1999, elemen-elemen kesalahan yang sama turut dinyatakan di dalam seksyen 430 Kanun Keseksaan, seksyen 121 Akta Perkhidmatan Industri Air 2006 dan seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan disifatkan sebagai bertindih oleh Pengarah Pendakwaan Negeri dalam memutuskan tindakan pendakwaan berdasarkan kes-kes pencemaran sumber air sepanjang tahun 2020.<br><br>Oleh yang demikian, Pengarah Pendakwaan Negeri Selangor telah memutuskan untuk mendakwa pihak yang menyebabkan pencemaran sumber air di bawah seksyen 430 Kanun Keseksaan atau seksyen 124 Kanun Keseksaan (sabotaj) kerana:<br><br>1) Hukuman lebih berat diperuntukkan di dalam |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | seksyen-seksyen ini berbanding undang-undang lain; dan<br><br>2) Pertindihan elemen kesalahan dengan peruntukan undang-undang lain termasuk seksyen 79(1) Enakmen LUAS 1999. |
| | | 5.6 Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan Negeri berunding dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk meminda *National Drinking Water Quality Standard* supaya Klausa 3.1.3 berkenaan air mentah dipinda untuk memperuntukkan parameter bau bagi air mentah di bahagian hulu Loji Rawatan Air. Hal ini selari dengan pindaan enakmen yang diminta untuk memastikan pencemaran bau sebagai suatu kesalahan. | √ | | **<u>UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN MAKRO)</u>**<br><br>Saranan Jawatankuasa akan diteliti dan perbincangan lanjut akan diadakan dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).<br><br>**<u>JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR (JKNS)</u>**<br><br>Untuk makluman, tuan/puan, sehingga ini, tiada piawaian yang ditetapkan bagi |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | parameter bau (air mentah dan air terawat) dalam *National Drinking Water Quality Standard* (NDWQS) peringkat Kebangsaan. Untuk makluman tuan/puan juga, Unit Kejuruteraan, JKNS hanya terhad dalam pelaksanakan aktiviti *surveilance* bagi daerah dan negeri Selangor. Bagi pemindaan klausa adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM (BPKj). Oleh itu, Bahagian ini akan memanjangkan saranan Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor ini secara terus ke BPKj,KKM secara rasmi.<br><br>Walau bagaimanapun, Bahagian ini turut akan mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan mengangkat perkara ini untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Mutu Air Minum Negeri yang akan diadakan |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | pada bulan Disember nanti yang akan dihadiri oleh AIS dan SPAN.<br><br>**<u>PENGURUSAN AIR SELANGOR BERHAD</u>**<br><br>Air Selangor tiada halangan dan menyokong penuh saranan Jawatankuasa kepada Kerajaan Negeri agar berunding dengan KKM berkenaan pindaan ini selaras dengan Perkara 2.14 dalam minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (High Level Meeting) Menangani Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor Bil 2/2020 pada 01 September 2020.<br><br>KKM memaklumkan cadangan parameter bau telah dimasukkan ke dalam kajian semula Garis panduan Kualiti Air Kebangsaan dan sedang di peringkat penilaian di Jabatan Peguam Negara. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN